

Bimbing 40 murid SK Lembah Bidong belajar, kuasai bahasa Inggeris

UTARAN MALAYSIA
4/6/2014

UnISZA gerak program Idola Universiti

Oleh TENGGU FAUZIAH NGAH

utusan@gmail.com/my

KUALA TERENGGANU

3 Jun - Kumpulan Latihan Kelana Siswa Malaysia, Universiti Sultan Zainal Abidin (UnISZA) mengerjakan program Idola Universiti di sini. Baharu ini dengan menarik penglibatan 40 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Lembah Bidong.

Program berteraskan ikatan dengan komuniti itu bertujuan membimbing murid-murid agar lebih berminat untuk mempelajari dan menguasai bahasa Inggeris sekali gus meningkatkan pencapaian mereka dalam menghadapi peperiksaan awam.

Ia dijalankan dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Pusat Pembangunan Holistik Pelajar dan Kementerian Pendidikan.

Fasilitator program, Muhammad Kazim Irfan berkata, program yang bertemakan *English Is Fun* menggalakkan peserta berkomunikasi dengan menggunakan perkataan bahasa Inggeris yang mudah di samping mempunyai keyakinan dan semangat kepimpinan dalam kumpulan.

"Program seperti ini harus kerap



SEBAHAGIAN murid SK Lembah Bidong yang menyertai Program Idola Universiti anjuran Kumpulan Latihan Kelana Siswa Malaysia, UnISZA di Kuala Terengganu, baru-baru ini. SEBAHAGIAN murid SK Lembah Bidong yang menyertai Program Idola Universiti anjuran Kumpulan Latihan Kelana Siswa Malaysia, UnISZA di Kuala Terengganu, baru-baru ini.

diwujudkan agar dapat memupuk individu yang meningkatkan penggunaan bahasa pengantar kedua dalam kalangan murid-murid selain membantu meningkatkan peratusan penguasaan bahasa itu di sekolah tersebut.

"Ia juga bagus untuk mengasah kekuatan mental dan fizikal murid-murid disamping memberi impak yang besar kepada sekolah pilihan dalam perancangan membudayakan komunikasi bahasa Inggeris dalam kehidupan seharian," ujarnya.

Katanya, ini sekali gus akan membawa nama UnISZA sebagai institusi yang mengutamakan pembangunan pendidikan kepada komuniti setempat.

Bellau menambah, melalui usaha ini, secara tidak langsung ia dapat membantu pihak sekolah khususnya dan penduduk kampung Lembah Bidong secara umumnya bekerjasama dalam memperkayakan kemahiran penguasaan bahasa Inggeris di kalangan anak-anak mereka.

Pelbagai aktiviti menarik telah dilaksanakan sempena program ini berlangsung, antaranya aktiviti seperti *Ice-Breaking*, *Golden Dream*, lawatan ke perpustakaan dan *Explore the Nature*.